AGENDA
MESYUARAT AHLI LEMBAGA PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR (PADAT)
BIL. 1 BAGI PENGGAL KETUJUH TAHUN 2024 – 2026

Tarikh : 15 Disember 2025 (Isnin)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Daeng Perani
Muzium Sultan Alam Shah

1. Perutusan Pengerusi

2. Pengesahan Minit Mesyuarat Ahli Lembaga PADAT Bil. 4 Penggal Keenam Bagi Tahun 2022 - 2024 bertarikh 22 Oktober 2024

3. Maklumbalas Minit Mesyuarat

4. Pembentangan Kertas Mesyuarat Ahli Lembaga PADAT untuk makluman dan kelulusan bagi kertas-kertas seperti berikut:

    4.1 Kertas Cadangan Jawatankuasa di bawah Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor bagi Penggal ketujuh Tahun 2024 – 2026

    4.2 Kertas Pembentangan Pelan Strategik PADAT 2024 – 2026

    4.3 Kertas Laporan Jawatankuasa Kewangan

    4.4 Kertas Laporan Panel Pengurusan Sumber Manusia

    4.5 Kertas Keputusan Temuduga Pelantikan Baru

    4.6 Kertas Kelulusan Bayaran Honorarium kepada Penulis dan Penilai Artikel

5. Hal-hal Lain (jika ada)

6. Penangguhan Mesyuarat

DOA SEMPENA MESYUARAT

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ للهِ رَبِّ العَالَمِيْنَ , وَالعَاقِبَة لِلْمُتَّقِيْنَ وَالصَّلاَةُوَالسَّلاَمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ .

Allahumma Antal 'Azizul Jalil,

Sesungguhnya kami pada pagi/petang ini, ingin merafa'kan kesyukuran dan pujian terhadap Mu, atas kurniaan Mu yang tidak ternilai.

Allahumma Ya Hakim Ya Azim,

Justeru itu sempena mesyuarat yang berlangsung pada hari ini, berkati pertemuan kami, berkatilah jua usaha-usaha kami, ilhamkanlah dalam fikiran dan minda kami, idea-idea yang bernas, pandangan-pandangan yan jelas dan keputusan-keputusan yang waras.

Kurniakanlah kepada kami limpahan ilmu yang berguna dan kefahaman yang benar. Satukanlah hati-hati kami, eratkanlah silatur rahim dikalangan kami. Padukanlah tenaga dan usaha kami bersama demi mencapai matlamat, kecemerlangan dan kegemilangan.

Allahumma Ya 'Aliim, Wa Ya Khabiir,

Jadikanlah kami Ya Allah, dari kalangan hamba-hamba Mu yang taat dan bersyukur. Jauhilah kami Ya Allah, dari melanggari perintah Mu. Kurniakanlah apa kiranya ya Allah kepada kami kesihatan yang berpanjangan , kesejahteraan yang sempurna , fikiran yang waras, minda yang cergas, rezeki yang halal, zuriat dan generasi yang beriman serta segala kebaikan di dunia, pun jua di akhirat.

اللَّهُمَّ اغْفِرْلَنَا ذُنُوْبَنَا وَلإِخْوَانِنَا الَّذِيْنَ سَبَقُوْنَا بِالإِيْمَانِ, وَلاَ تَجْعَلْ فِيْ قُلُوْبِنَا غِلاًّ لِلَّذِيْنَ ءَامَنُوْا, رَبَّنَاإِنَّكَ رَءُوْفٌ رَحِيْمٌ .

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الأخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ وَصَلَّى اللهُ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ ، وَالْحَمْدُلِلَّهِ رَبِّ العَالَمِيْنَ

MINIT MESYUARAT AHLI LEMBAGA
PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR
BIL. 4/2024 PENGGAL KEENAM BAGI TAHUN 2022-2024

Tarikh	:	22 Oktober 2024 (Selasa)
Masa	:	10.00 pagi
Tempat	:	Bilik Mesyuarat Daeng Perani Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.

KEHADIRAN

1.	YB. Datuk Haji Borhan bin Aman Shah Pengerusi, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	-	Pengerusi
2.	YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Wakil : Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	-	Timb. Pengerusi
3.	Encik Mohammad Nor bin Sapar Pegawai Tadbir, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan N. Selangor	-	Setiausaha
4.	YB. Dato' Dr. Ahmad Fadzli Bin Ahmad Tajuddin Pegawai Kewangan Negeri Selangor	-	Bendahari
5.	YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia	-	Ahli
6.	Y.A.D. Tengku Seri Wangsa DiRaja Tengku Dato' Setia Ramli Alhaj bin Tengku Shahruddin Shah Alhaj Dewan Diraja Selangor	-	Ahli
7.	YBhg. Datin Paduka Prof. Emeritus Siti Zuraina binti Abdul Majeed	-	Ahli
8.	YBrs. Prof Madya Dr. Mohd Azhar bin Samin	-	Ahli

9.	YBrs. Prof Madya Dr. Hanif bin Khairi	-	Ahli
10.	YBrs. Dr. Wong Huey Yi @ Collen Wong	-	Ahli
11.	YBrs. Encik M Anbarasan A/L Murugesu	-	Ahli
12.	Dr. Farizawati binti Sabri Pengarah Bahagian Konservasi, Jabatan Warisan Negara	-	Wakil
13.	Puan Nurul Azwin binti Jasmin Akauntan, PADAT	-	Pencatat Minit

1. UCAPAN PENGERUSI

1.1 YB Datuk Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan Basmalah, ucapan assalamualaikum dan rasa syukur serta ucapan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir diikuti dengan bacaan doa agar keputusan mesyuarat pada hari ini diberkati Allah SWT.

Makluman

1.2 YB Datuk Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Mohamad Aris bin Haji Sahid, Kurator Kanan yang menanggung kerja Ketua Pegawai Eksekutif PADAT atas jasa dan sumbangan sepanjang perkhidmatan beliau. YB Datuk Pengerusi juga mengucapkan tahniah kepada Puan Rozzana binti Rahmat di atas pelantikan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif PADAT.

Makluman

1.3 Seterusnya YB Datuk Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli Lembaga Pengarah PADAT ke Mesyuarat Ahli Lembaga PADAT bil. 4/2024. YB Datuk Pengerusi juga memaklumkan bahawa Puan Rozzana binti Rahmat, Ketua Pegawai Eksekutif tidak dapat hadir pada mesyuarat Lembaga pada hari ini kerana D.Y.M.M Tengku Permaisuri Selangor berkenan menerima menghadap delegasi dari Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam untuk memberi sembah taklimat mengenai perkembangan terkini inisiatif untuk mengangkat seni warisan Telepuk Selangor ke peringkat lebih tinggi.

Makluman

1.4 YB Datuk Pengerusi memaklumkan kepada semua ahli mesyuarat bahawa terdapat pelbagai aktiviti di bawah PADAT, antaranya program Fiesta Makanan Warisan Negeri Selangor yang akan diadakan pada bulan November untuk Malaysia Book Of Record bagi makanan punten yang akan dihidangkan sebanyak 2500 hidangan. Program ini juga akan melibatkan semua pihak berkuasa tempatan yang akan membuka pavilion bagi menghidangkan makanan tradisi setiap 12 daerah. Makanan tersebut akan diberikan secara percuma kepada pengunjung yang hadir.

Makluman

1.5 YB Datuk Pengerusi juga memaklumkan kepada semua ahli mesyuarat status menaiktaraf galeri-galeri muzium Sultan Alam Shah dalam peringkat akhir dan telah menampakkan kelainan dan diharapkan menjadi kebanggaan Negeri Selangor serta diharapkan D.Y.M.M Sultan Selangor berasa sukacita dengan perlaksanaan pembukaan semula Muzium Sultan Aam Shah ini.

Makluman

1.6 YB Datuk memaklumkan telah menerima laporan daripada JKR, D.Y.M.M Tuanku telah menitahkan Muzium Tekstil dibuat di bangunan Anggerik bersama dengan pembinaan Art Gallery tetapi YB Datuk telah dimaklumkan bahawa Art Gallery tidak sesuai dibuat di bangunan Anggerik kerana ketinggian siling tidak sesuai untuk pameran lukisan.

Makluman

1.7 YB Datuk juga mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Jabatan Warisan Negara kerana telah membantu Kerajaan Negeri untuk mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM10 juta bagi kos baikpulih Kapal Korek Sri Banting. Peruntukan tersebut akan diletakkan di bawah seliaan pihak UPEN. Pihak UPEN juga akan menubuhkan jawatankuasa pemantau bagi projek berkenaan. Kerajaan Negeri akan menjadikan Kapal Korek Sri Banting ke tahap UNESCO.

1.8 YB Datuk juga memaklumkan Gedung Raja Abdullah dalam proses pengisian dan dijangka akan dibuka pada awal tahun 2025.

Makluman

1.9 YB Datuk memaklumkan pihak PADAT akan membuat satu kertas kerja dan surat permohonan kepada Kerajaan Persekutuan untuk peruntukan tambahan bagi membaiki bumbung Istana Bandar. YB Datuk akan memanjangkan permohonan kepada Perdana Menteri.

Makluman

1.10 YB Datuk memaklumkan beberapa agenda berkaitan agenda promosi sempena menyambut Tahun Melawat Selangor 2025, antaranya adalah cadangan kepada pihak MMKN, supaya dapat mengarahkan Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan menjadikan identiti Selangor seperti makanan warisan nasi ambeng, tarian Selangor, muzik cempuling dan sebagainya sebagai tarikan di satu-satu daerah.

Makluman

1.11 YB Datuk juga memaklumkan kepada semua ahli mesyuarat berkaitan status projek pembinaan Muzium Setem yang terhenti disebabkan isu penamatan kontraktor yang dilantik oleh pihak JKR atas sebab tidak mampu lagi menampung kos projek dan sedang dalam proses *"retender"* oleh pihak JKR dengan jangkaan tempoh lantikan semula selama 6 bulan.

Makluman

2. MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT

Minit Mesyuarat bil. 3/2024, Penggal Keenam bagi tahun 2022 – 2024 bertarikh 4 Jun 2024 disahkan dengan sebulat suara oleh semua ahli mesyuarat.

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Songket Diraja Selangor

Mesyuarat dimaklumkan Pihak PADAT telah berhubung dengan pihak UiTM dan satu silibus berhubung pengembangan songket akan dibangunkan bersama.

Tindakan : PADAT & UITM

3.2 Batik Selangor

Mesyuarat dimaklumkan dokumen kontrak antara kerajaan Negeri Selangor dan Syarikat Karyaneka Sdn Bhd telah dikemukakan kepada pihak syarikat untuk dimeterai.

Tindakan : Unit Perhubungan Awam

3.3 Rumah Warisan : Rumah Dato' Haji Sidek

Mesyuarat dimaklumkan satu maklum balas persetujuan daripada pihak Nusa Mahsuri telah diterima pada 29 Jun 2024 dan secara dasarnya rundingan untuk menjadikan Rumah Keluarga Haji Sidek sebagai warisan akan diperhalusi dari aspek perundangan.

Tindakan : Bahagian Pendidikan
& Bahagian Penyelidikan

3.4 Status Fizikal Gedung Raja Abdullah

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pengukuran telah dilaksanakan pada 7 Oktober 2024 oleh pihak juruukur yang dilantik oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor. Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengisian Gedung Raja Abdullah telah bersidang pada 24 September 2024 yang lalu.

Tindakan : Unit Pentadbiran Muzium & Monumen /
Unit Pembangunan

3.5 Kertas Cadangan Penubuhan Muzium Tekstil Selangor

Mesyuarat dimaklumkan *need statement* bagi penubuhan Muzium Tekstil di Bangunan Anggerik sedang disediakan. YB Datuk Pengerusi memaklumkan pihak JKR telah memberi ulasan bahawa Muzium Tekstil tidak sesuai untuk dibina di bangunan PAID.

Mesyuarat dimaklumkan juga Muzium Tekstil dan Art Gallery dijangka akan dibina di Bangunan Anggerik dengan kos perbelanjaan sebanyak 100 juta. YB Datuk Pengerusi juga berpendapat kos yang diperuntukkan agak tinggi dan mencadangkan memberi keutamaan kepada pembinaan Art Gallery berbanding Muzium Tekstil.

Satu kertas cadangan akan dibuat untuk dibentangkan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor bagi usul tersebut. Mesyuarat bersetuju untuk fokus kepada pembinaan muzium sedia ada dan memberi penumpuan untuk satu-satu projek.

Ahli Mesyuarat juga mencadangkan tidak membuat atau membina banyak muzium seperti Muzium Tekstil yang telah dibina oleh Jabatan Muzium Malaysia di Kuala Lumpur. Pembinaan muzium yang banyak akan meningkatkan kos perbelanjaan seperti emolumen pekerja, utiliti, penyelenggaraan, perkhidmatan dan sebagainya.

Tindakan : Bahagian Penyelidikan / JKR

3.6 Penyelidikan Warisan Senibina Rumah Tradisional Selangor & Penyelidikan Warisan Masjid Bumbung Tumpang di Selangor dan Perbandingan Masjid Seumpamanya di Malaysia

Mesyuarat dimaklumkan sehingga 15 Oktober 2024, projek telah siap sebanyak 75% dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2025.

Tindakan : Bahagian Penyelidikan

3.7 Penyelidikan Haiwan Primat Di Negeri Selangor

Mesyuarat dimaklumkan buku *Haiwan Primat Di Negeri Selangor* sedang dalam fasa akhir untuk disiapkan sebelum dibuat *"proof read"* dan tindakan selanjutnya.

Tindakan : Bahagian Penyelidikan

3.8 Penetapan Kadar Sewa Untuk Perkhidmatan Fotografi Di Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor.

Mesyuarat dimaklumkan pihak PADAT telah menerima semula surat tawaran baru dari pihak Syarikat Fijo Imaging Entertainment dan bersetuju dengan kadar sewa Syarikat Fijo iaitu sebanyak RM1,000.00 sebulan bagi tempoh tiga (3) tahun. Satu deraf perjanjian sedang disediakan bagi tujuan tersebut.

Makluman

3.9 Permohonan Kelulusan Peruntukan Penyelidikan Bagi Kelestarian Seni Telepuk Melalui Penghasilan Kit Pendidikan

Mesyuarat dimaklumkan kit telepuk bagi tujuan Pendidikan telah disiapkan dan akan diedarkan semasa Majlis Pengisytiharaan dan Pelancaran Telepuk Selangor.

Tindakan : Bahagian Penyelidikan

3.10 Kertas Cadangan Memohon Kelulusan Peruntukan bagi Penyediaan Pelan Pembangunan Telepuk Diraja Selangor

Ahli Lembaga bertanyakan apakah status Pembangunan Telepuk Diraja Selangor pada masa ini di mana penglibatan Dr. Azhar (Ahli Lembaga) perlu dilibatkan secara komprehensif dalam membantu perancangan pembangunan Telepuk Diraja Selangor tersebut.

Mesyuarat telah dimaklumkan Ketua Pegawai Eksekutif PADAT telah membuat satu perbincangan berhubung cadangan bagi Pelan Pembangunan Telepuk Diraja Selangor untuk mengemukakan keperluan peruntukan khas daripada kerajaan negeri dan YB Pengerusi memohon agar perkara ini diambil serius kerana Y.M. Tengku Permaisuri Selangor amat berharap perkara ini dapat direalisasikan.

Makluman

3.11 Batik Selangor

i. Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Azhar menyarankan agar diwujudkan strategi motif bunga tanjung yang akan diimplementasikan pada batik Selangor nanti. Beliau juga menyarankan agar disediakan satu dokumen standard bagi maksud motif bunga tanjung tersebut yang akan menjadi garis panduan kepada pengusaha batik. Garis panduan ini meliputi kualiti, material yang digunakan serta pengguunaan batik tersebut pada masa-masa yang ditetapkan berdasarkan kesesuaian elemen-elemen tadi. Batik Selangor juga perlu mempunyai ciri khas yang tersendiri. Selain itu beliau juga menyarankan diadakan pelbagai usaha promosi seperti bengkel, pertandingan mencipta motif, pertunjkan fesyen dan sebagainya.

ii. Y.A.D. Tengku Dato' Setia Ramli Al-Haj mencadangkan selain motif bunga tanjung, beliau mencadangkan dimasukkan juga motif bunga mengikut daerah bagi menampakkan kepelbagaian dalam corak dan pemakaian.

iii. Y.Bhg. Datin Paduka Zuraina menyatakan adakah keperluan motif atau corak selain daripada bunga sahaja. Beliau turut mencadangkan idea dengan motif atau corak yang berbeza seperti bangunan, monumen, artifak dan sebagainya.

Bagi pemakaian batik untuk penjawat awam, telah disiapkan 1 buku garis panduan pemakaian Batik Selangor. Dalam buku panduan tersebut turut dinyatakan Waktu pemakaiannya cara-cara pemakaiannya. Di dalam pelan strategik PADAT 2024-2028, di Bawah Teras dua, iaitu Memartabatkan dan Melestari Warisan ke arah Selangor Negeri Beridentiti. telah diletakkan strategi membudayakan warisan Selangor secara holestik dan termasukkan Batik Selangor. Program pengembangan yang akan dibuat meliputi golongan dewasa (masyarakat awam) dan pelajar.

Cadangan ini akan dipanjangkan kepada para pembatik untuk pembangunan produk Batik Selangor

Makluman

3.12 Keperluan Kajian Lanjutan Tapak Kilang Gula Di Tanjung Karang, Selangor

Satu laporan berkaitan kajian Tapak Kilang Gula di Tanjung Karang ini telah dibuat. Bahagian Penyelidikan PADAT telah membawa Kertas Kerja Cadangan Kajian Lanjutan ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan & Penerbitan dan Jawatankuasa bersetuju untuk kajian lanjut dijalankan. Namun, kajian lanjutan tersebut hanya akan dijalankan pada tahun 2025 berdasarkan peruntukan Pembangunan tahun 2025.

Makluman

3.13 Larian Tangga Seratus Di Bukit Malawati, Kuala Selangor

Program Larian ini dirancang diadakan pada tahun 2025 dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kuala Selangor sempena Tahun Melawat Selangor 2025.

Makluman

3.14 Terowong Di Bukit Malawati, Kuala Selangor

Mesyuarat dimaklumkan perkara ini masih dalam tindakan.

Tindakan : Bahagian Penyelidikan

3.15 Seni Muzik Cempuling

Mesyuarat dimaklumkan Program Citra Nusa @ Indonesia : Kita Serumpun telah diadakan di Muzium Kebangkitan Nasional, Jakarta pada 9 hingga 12 Ogos 2024. PADAT telah menghantar perwakilan ke program tersebut bersama dengan pihak JMM dan Muzium-Muzium Negeri yang lain.

Makluman

3.16 Lantikan "Contract Of Service" – COS

Mesyuarat dimaklumkan kertas kerja ini telah dibawa ke mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia bil 4/2024 pada 20 September 2024 dan permohonan tidak dipertimbangkan selaras dengan dasar semasa SUK yang tidak membenarkan pelantikan selepas pegawai bersara kecuali bagi kes-kes khas sahaja. YB Datuk Pengerusi memohon Timbalan

Pengerusi untuk mengulas perkara ini sewaktu laporan pembentangan kertas kerja mesyuarat tersebut.

Makluman

3.17 Pembelian Koleksi Bernilai RM80,910.00

Mesyuarat dimaklumkan pihak PADAT telah menerima peruntukan sebanyak RM80,910.00 daripada Seksyen Agihan, UPEN. Bayaran pembelian koleksi anak-anak sidek sebanyak RM50,000.00 telah selesai dilaksanakan. Manakala baki sebanyak RM30,910.00 untuk koleksi Muzium Setem masih dalam proses bayaran.

Tindakan : Unit Kewangan / Bahagian
Pentadbiran Muzium & Dokumentasi

3.18 Permohonan Peruntukan Penyelidikan RM225,485.70

Mesyuarat dimaklumkan telah menerima peruntukan penyelidikan tersebut pada 29 Julai 2024. Semua penyelidikan masih dalam tindakan penyelidik.

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
1.	Penyelidikan Penulisan Semula Kesultanan selangor sehingga pertengahan abad ke-20 fasa 3	100,000.00
2.	Penyelidikan Raja Muda Nala Ibni Sultan Salehuddin Menelusuri Hubungan Kesultanan Melayu Selangor Dan Kesultanan Aceh pada Abad 18	49,900.00
3.	Penyelidikan Alam Semulajadi : Penyelidikan Lotong Kelabu Selangor (Trachpithecus Selangorensis)	29,695.70
4.	Pendokumentasian Muzik dan tarian bercirikan Negeri Selangor ciptaan PADAT (fasa 2) termasuk Tarian Ronggeng	29,940.00
5.	Penyelidikan Makanan Warisan Sate Kajang	15,950.00
	JUMLAH KESELURUHAN	**225,485.70**

Tindakan : Bahagian Penyelidikan

3.19 Penyelidikan Penulisan semula Kesultanan Selangor Sehingga Pertengahan Abad ke 20 (fasa3).

Mesyuarat dimaklumkan penyelidikan ini dalam proses perolehan jabatan.

Tindakan : Bahagian Penyelidikan

3.20 Penyelidikan Raja Muda Nala Ibni Sultan Salehuddin Menelusuri Hubungan Kesultnan Melayu Selangor dan Kesultanan Aceh Abad 18

Mesyuarat dimaklumkan penyelidikan ini menunggu pengesahan pihak Pentadbiran Aceh Indonesia. YB Datuk Pengerusi meminta pihak PADAT menghantar laporan hasil penyelidikan yang dilakukan di Aceh sebelum ini kerana mengikut keputusan MMKN semua kerja atau lawatan ke luar negara perlu menghantar laporan ke MMKN dalam masa 2 minggu selepas lawatan. YB Datuk Pengerusi meminta pihak PADAT untuk menyelesaikan perkara ini secepat mungkin dan sekiranya perlu YB Datuk Pengerusi mencadangkan penglibatan Menteri Besar untuk berhubung dengan Gabenor Aceh bagi pengesahan tersebut.

Tindakan : Bahagian Penyelidikan

3.21 Penyelidikan Lotong Kelabu Selangor (Trachypithesus Selangorensis)

Mesyuarat dimaklumkan penyelidikan ini telah dijalankan dan baru mencapai 20%.

Tindakan : Bahagian Penyelidikan

3.22 Pendokumentasian dan Tarian Bercirikan Negeri Selangor Ciptaan PADAT Fasa 2.

Mesyuarat dimaklumkan pendokumentasian dan tarian bercirikan Negeri Selangor Ciptaan PADAT fasa 2 masih dalam tindakan dan telah mencapai 70% sehingga kini.

Tindakan : Bahagian Penyelidikan

3.23 Penyelidikan Makanan Warisan Sate Kajang

Mesyuarat dimaklumkan FGD telah dilaksanakan dan kertas kelulusan MMKN untuk mewartakan Sate Kajang akan diangkat dalam MMKN akan datang.

Tindakan : Bahagian Penyelidikan

3.24 Jawatankuasa Penyelidikan, Penerbitan & Arkib PADAT juga telah meluluskan cadangan penerbitan dan kadar bayaran bagi penerbitan berikut, iaitu :

3.24.1 Mesyuarat dimaklumkan Penerbitan dalam bentuk Coffe Table bagi penyelidikan Bunga Tanjung dengan peruntukan sebanyak RM 60,000.00 dalam proses perolehan jabatan.

3.24.2 Mesyuarat juga dimaklumkan penerbitan artikel bagi Jurnal Sri Alam bagi tahun 2024 dalam proses perolehan.

3.24.3 Mesyuarat mengambil maklum bayaran bagi penulis untuk satu artikel sebanyak RM 500.00, manakala bayaran bagi penilai pula adalah RM 200.00 sepertimana yang diminitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan PADAT, Bil. 1/2016 pada 11 April 2016 masih dalam tindakan.

Tindakan : Bahagian Penyelidikan

3.25 Laporan Jawatankuasa Perolehan Koleksi Bil.02/2022-2024

Mesyuarat dimaklumkan perkara ini telah selesai dan pihak PADAT telah menerima peruntukan sebanyak RM80,910.00

Makluman

3.26 *Kertas Cadangan Kenaikan Pembayaran Elaun Kehadiran kepada Ahli Lembaga Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)*

Mesyuarat dimaklumkan pihak PADAT akan menjadikan kadar elaun yang telah diluluskan tersebut sebagai garis panduan.

BIL	PERKARA	AMAUN (RM)
1.	Pengerusi	900.00
2.	Timbalan Pengerusi	600.00
3.	Ahli Jawatankuasa	500.00
4.	Pencatat Minit	150.00

Makluman

3.27 *Raja Muda Nala*

Mesyuarat mengambil maklum perkara ini dan tindakan perlu dibuat seperti yang telah dibincangkan pada 3.21

Makluman

3.28 *Isu Lantikan Datuk Zakiah selaku Penasihat Penyediaan Pelan Pembangunan dan Pengembangan Telepuk Diraja Selangor*

Mesyuarat dimaklumkan pihak PADAT telah menjalankan siasatan dalam dan satu laporan telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan. Pihak PADAT juga telah mendapatkan hasil daripada pandangan, info grafik dan lain-lain yang telah dijalankan. Perkara ini telah selesai dan bayaran dibuat berdasarkan sumbangan dan idea yang diberikan oleh Datuk Zakiah.

Makluman

3.29 *Kelab Sultan Sulaiman*

Timbalan pengerusi mencadangkan pihak PADAT membuat program atau aktiviti bagi pengisian bangunan Kelab Sultan Sulaiman ini.

Satu lawatan telah diadakan bersama pihak SUK (unit aset) dan Pihak JKR Negeri bagi perbincangan lanjut.

Tindakan : Bahagian Pendidikan & Monumen

4.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

4.1 KERTAS KHAS

4.1.1 KERTAS PEMAKLUMAN RANG UNDANG-UNDANG MUZIUM MALAYSIA (RUUMM)

Mesyuarat mengambil maklum dan mengesahkan bagi pemakaian rang undang-undang muzium malaysia (RUUMM) bagi panduan kepada semua Muzium-muzium Negeri

Makluman

4.1.2 KERTAS CADANGAN UNTUK MENGGUNAKAN BAKI PERUNTUKAN PENYELIDIKAN PENULISAN SEMULA KESULTANAN SELANGOR SEHINGGA PERTENGAHAN ABAD KE-20 FASA 1 & PENYELIDIKAN ARKEOLOGI ISLAM FASA 1 BAGI MENAMPUNG PENYELIDIKAN ARKEOLOGI DAN PENDOKUMENTASIAN ALAT BESI TULANG MAWAS DI SELANGOR

Mesyuarat mengambil maklum dan meluluskan baki peruntukan penyelidikan-penyelidikan tersebut bernilai RM6,913.20 dibuat vire in ke dalam Penyelidikan Arkeologi dan Pendokumentasian Jumpaan Alat Besi Tulang Mawas di Selangor.

Tindakan : Bahagian Penyelidikan

4.2 KERTAS LAPORAN JAWATANKUASA

4.2.1 KERTAS LAPORAN JAWATANKUASA PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

4.2.1.1 Kertas Keputusan Temuduga Pelantikan Baru

a) Jawatan : Pembantu Tadbir (P/O),

Gred N19 (1 Kekosongan)

Calon Berjaya : Adzwa Nisyha Izlin binti Zainuddin
(No. K/P : 990505-10-7328)

Calon Simpanan : Irra Izyani binti Ahmad Puad
(No. K/P : 971119-07-5328)

b) Jawatan : Artis Budaya, Gred B19
(3 Kekosongan)

Calon Berjaya : Tiada calon yang berkelayakan

Calon Simpanan : 1. Danish Aida binti Mohd Anwar Wajdi
(No. K/P : 000513-02-0964)
2 Rahmadmunte bin Paidi
(No. K/P : 00121-10-2049)

Mesyuarat mengambil maklum dan mengesahkan serta bersetuju penetapan tarikh pelantikan adalah seperti yang diarah dan diperakukan oleh Ketua Jabatan.

Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan

4.2.1.2 Kertas Pengesahan Dalam Perkhidmatan

Mesyuarat bersetuju bagi pengesahan dalam perkhidmatan pada 03 Julai 2024 – sehari selepas menduduki peperiksaan yang dilulusinya dalam perkhidmatan beserta dokumen sokongan kepada pegawai tersebut :

Nama : Mohd Nazrin bin Kamarudin
No. K/P : 8501110-14-5579
Jawatan : Kurator, Gred S41 (Tetap)

Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan

4.2.1.3 Kertas Penimbangan Kenaikan Pangkat Secaa Time-Based Kumpulan Pelaksana

Mesyuarat mengambil maklum dan mengesahkan kenaikan pangkat secara time based kumpulan pelaksana seperti berikut :

a) Time-Based berasaskan kecemerlangan kali pertama (TBK1)

i. Mohd Sani bin Haji Suradi
801209-10-5533
ii. Azura binti Basri
850418-10-5450
iii. Muhamad bin Sidik
900618-10-6469
iv. Sunita binti Mahbob
790622-10-5448
v. Mohd Fitri bin Abdul Karim
820727-01-6139
vi. Irwan bin Ibrahim
791023-10-5301
vii. Mohd Ali Imran bin Mohd Raus
870121-10-5431

b) Time-Based berasaskan kecemerlangan kali kedua (TBK2)

i. Shahrulniza binti Nenin
810515-06-5060
ii. Mohd Ismail bin Boiran@Ramlan
760625-06-5404
iii. Rohayu binti Mohd Yunus
760814-06-5404
iv. Fahidah binti Jamaluddin
820801-10-5472

Mesyuarat juga bersetuju dan meminta urusetia membuat semakan semula kepada Mohd Ali Imran bin Mohd Raus yang telah dikenakan hukuman tatatertib secara amaran.

Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan

4.2.1.4 *Kertas Cadangan Permohonan Kenaikan Pemberian Kemudahan Caj Bulanan Bil Alat Komunikasi Mudah Alih Kepada Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N19*

Mesyuarat mengambil maklum dan mengesahkan kadar caj baru yang diberikan kepada pegawai juruiring/pengiring rapat/pengawal peribadi dan Pemandu Kenderaan Rasmi Jawatan mengikut peraturan 4.1.2 WP 2.2 seperti berikut :

Pengawal	Had Caj Bulanan Yang Ditanggung Kerajaan (Sebulan)	
	Kandungan Asal PP	Pindaan Terkini
Pembantu Setiausaha Pejabat, Gred N19	RM50	RM70

Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan

4.2.1.5 *Kertas Permohonan Kelulusan Bagi Lantikan Pesara (Contract Of Services – COS) Jawatan Kurator, Gred S48 di Perbadanan Adat Melayu Warisan Negeri Selangor*

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pembangunan Sumber Manusia tidak bersetuju dengan lantikan kepada pesara kakitangan PADAT sepertimana yang dibentangkan iaitu :

Nama : Encik Mohamad Aris bin Haji Sahid
No. K/P : 640713-10-7445
Jawatan : Kurator, Gred S41 (Tetap)
Umur : 60 Tahun

Mesyuarat juga dimaklumkan justifikasi penolakan tersebut seperti berikut :

a) Dasar yang digunapakai oleh BPSM, SUK dan JPA.
b) Bukan Jawatan Utama di Peringkat Tertinggi Negeri atau Persekutuan.
c) Jawatan Bukan Kritikal.
d) Melibatkan implikasi kewangan yang tinggi.
e) Peluang kenaikan pangkat kepada kakitangan sedia ada terhalang.
f) Faktor usia yang telah melebihi 60 tahun.
g) Cadangan mewujudkan pelan penggantian yang lebih efisyen.

YB Datuk Pengerusi meminta perkara ini dibincangkan semula bersama Ahli Lembaga kerana tiada minit ulasan yang dilampirkan. Timbalan Pengerusi berpandangan perkara ini hanya pandangan peribadi dan terdapat pengecualian untuk melantik pesara bagi kes khas dan melihat perlantikan pesara ini boleh dilakukan seperti yang dimaklumkan pegawai ini mempunyai pengalaman dalam bidang pemuziuman.

Ahli Mesyuarat juga bersetuju untuk melantik pesara tersebut kerana PADAT merupakan badan berkanun yang kerap bertukar ketua pengawal dan ketua yang dilantik bukan dalam bidang pemuziuman. Perlantikan ini dapat membantu pihak PADAT kerana terdapat banyak muzium yang akan dibuka.

Pelantikan ini juga bertujuan untuk bagi memberi pendedahan kepada pelapis yang agak tinggi jurang perbezaan pengalaman. Ahli Mesyuarat juga mencadangkan pihak PADAT boleh meminta pandangan daripada kakitangan PADAT berkaitan perlantikan pegawai tersebut.

YB Datuk Pengerusi dan ahli mesyuarat bersetuju dan mengarahkan pihak PADAT untuk melaksanakan perlantikan tersebut.

Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan

4.2.1.6 Kertas Permohonan Kelulusan bagi pelantikan kontrak (Contract of service- cos) Jawatan satu (1) Kurator, Gred s41 dan Satu (1) Pegawai Tadbir, Gred N41 di Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pembangunan Sumber Manusia bersetuju dengan permohonan sepertimana yang dibentangkan. Mesyuarat tersebut berpandangan keperluan lantikan kontrak ini adalah dengan beberapa justifikasi yang diambil kira iaitu:

a) PADAT berkeperluan mempunyai seorang konservator yang mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam bidang konservasi bangunan dan monumen.
b) Pegawai yang dapat menyelaras hal-hal berkaitan standco kebudayaan dan warisan serta pembangunan kraft Negeri Selangor.
c) Bagi menampung keperluan dan kepakaran untuk diaplikasikan dalam pemeliharaan dan pemuliharaan semua bangunan warisan di negeri Selangor.

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju untuk menangguhkan pelantikan kontrak bagi jawatan kurator S41 sehingga pertukaran proses ssm ke sspa. Pihak PADAT juga perlu melihat implikasi kewangan dan waran terlebih dahulu sebelum perlantikan dilakukan.

Mesyuarat juga tidak bersetuju untuk pelantikan kontrak bagi jawatan Pegawai Tadbir, N41 kerana tiada keperluan.

Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan

4.2.1.7 Kertas Permohonan Kelulusan Bagi Lantikan Kontrak Of Service – Cos) Jawatan Dua (2)

Pembantu Kemahiran, Gred H19 dan Satu (1) Penjaga Jentera Elektrik, Gred J19 di Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pembangunan Sumber Manusia bersetuju dengan permohonan sepertimana yang dibentangkan kerana justifikasi seperti berikut:

a) Bagi memastikan urusan berkaitan operasi penyelenggaraan sivil, mekanikal dan elektrikal bangunan-bangunan di bawah seliaan PADAT dapat diselenggarakan dengan baik dan sempurna.

b) Bagi menampung keperluan sumber manusia di unit Pembangunan yang hanya terdapat dua (2) orang penolong jurutera dan seorang pembantu kemahiran sahaja.

c) Penjimatan kos yang sangat ketara berbanding lantikan syarikat kontraktor penyelenggaraan yang melibatkan kos sebanyak RM221,880.00 makala kos melantik dua (2) orang pekerja kontrak sebanyak RM92,565.05 setahun.

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju juga untuk menangguhkan pelantikan kontrak bagi jawatan S19 dan J19. Pihak PADAT juga perlu melihat implikasi kewangan dan waran terlebih dahulu sebelum perlantikan dilakukan.

Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan

4.2.1.8 Perkara-perkara yang dibawa sebagai makluman kepada ahli mesyuarat adalah seperti berikut:

a) Laporan Kad Perakam Waktu

Mesyuarat bersetuju dan mengesahkan pemakluman berkaitan laporan kad perakam waktu semua pegawai PADAT sepanjang tempoh bulan Januari 2024 hingga September 2024.

b) Laporan Latihan
Mesyuarat bersetuju dan mengesahkan pemakluman berkaitan latihan yang telah dijalankan kepada semua pegawai PADAT sepanjang tempoh bulan Januari 2024 hingga Ogos 2024.

c) Senarai Pekeliling Gunapakai.

Pekeliling Perkhidmatan

- PP bil 1/2024
  Pelaksanaan sistem saraan Perkhidmatan awam bagi pegawai perkhidmatan awam persekutuan.

Surat edaran jpa

- Jpa.100-15/3/5 (61) bth. 16.5.2024
  Pelaksanaan penggunaan fungsi mydigital id bagi aplikasi mudah alih myhrmis mobile.
- Jpa.100-1/4/1 (20) bth. 5.7.2024
  Kewajipan ketua jabatan atau pegawai bertanggungjawab menjalankan kawalan dan pengawasan tatakelakuan dan tatatertib pegawai seliaan.
- Intan.600-3/1/3 (48) bth. 14.8.2024
  Surat edaran penyebarluasan pemahaman konsep gagasan malaysia madani.
- JPA.100-1/4/1 (23) bth. 11.9.2024
  Pengurusan laporan berhubung dengan tatakelakuan pegawai awam yang dirujuk oleh pihak berkuasa integriti.

Pekeliling perbendaharaan

- Wp 6.3 – skim ex-gratia bencana kerja bagi pegawai perkhidmatan awam persekutuan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024.
- WP 2.2 – Peraturan mengenai kemudahan alat komunikasi mudah alih.
- Pwn.sel.100-1/3/2 jld 2 (8) bth. 31 Julai 2024 – pindaan peraturan dan kadar caj bulanan – peraturan mengenai kemudahan alat komunikasi mudah alih

Mesyuarat mengambil maklum perkara yang dibentangkan tersebut.

Makluman

4.2.2 KERTAS LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN PADAT BIL 2/2024 PADA 24 JUN 2024

4.2.2.1 Laporan Perbelanjaan Mengurus, Persekutuan dan Hasil PADAT sehingga 31 Mei 2024

Peruntukan	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	Baki (RM)	Peratus (RM)
Negeri	8,5000,000.00	3,789,926.65	4,710,073.35	45%
Persekutuan	1,950,000.00	994,858.81	883,001.71	51%
Jumlah	**10,450,000.00**	**4,784,785.46**	**5,593,075.06**	**46%**

Mesyuarat mengambil maklum laporan perbelanjaan dan kutipan hasil PADAT sehingga 31 Mei 2024 sebanyak ***RM362,772.06 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Enam Puluh Dua Ribu, Tujuh Ratus Tujuh Puluh Dua dan Sen Enam Sahaja)***

Makluman

4.2.2.2 Laporan Kertas Cadangan Pembelian Koleksi bernilai RM412,696.28

Mesyuarat mengambil maklum dan mengesahkan pembelian koleksi setem bernilai **RM412,696.28** seperti di **Lampiran A** sebanyak 14 item seperti kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pembelian Koleksi Setem bil 2/2022-2024 pada 3 April 2024 dengan menggunakan peruntukan pembangunan PK13, 13006 Pembelian Artifak/Koleksi. Kaedah perolehan yang digunakan melalui perolehan rundingan terus.

Tindakan : Unit Kewangan dan
Urusetia Jawatankuasa Koleksi

4.2.2.3 Kertas Cadangan Garis Panduan Perbelanjaan Wang Pendahuluan Pelbagai (Bayaran Honorarium) ketika melakukan penyelidikan di lapangan (dalam dan luar negara)

Mesyuarat mengambil maklum dan mengesahkan kadar bayaran kepada pemberi maklumat/informen dan petunjuk arah untuk **kategori awam** seperti berikut : -

BIL	PERKARA	AMAUN (RM)
1.	Pemberi maklumat / informer	100.00
2	Pentujuk arah	50.00
3	Pemberi maklumat/informen dan sebagai petunjuk arah	150.00

Mesyuarat juga mengambil maklum dan mengesahkan kadar bayaran kepada pemberi maklumat/informen atau petunjuk arah yang ditemuduga dalam **kategori profesional/akademik** yang bertaraf sekurang-kurangnya Gred S48 ke atas atau **kategori berkemahiran/berpengetahuan** seperti berikut:-

BIL	PERKARA	AMAUN (RM)
1.	Pemberi maklumat / informer	200.00

2	Pentujuk arah	100.00
3	Pemberi maklumat/informen dan sebagai petunjuk arah	250.00

Tindakan : Bahagian Penyelidikan

4.2.2.4 Kertas Cadangan Memohon Peruntukan Penyelidikan Bagi Penerbitan Buku Coffee Table Bunga Tanjung Sebagai Bunga Rasmi dan Corak Negeri Selangor

Mesyuarat bersetuju meluluskan Penerbitan Buku *Coffee Table* Bunga Tanjung sebagai Bunga Rasmi dan Corak Negeri Selangor seperti yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Penyelidikan pada 20 Februari 2024 dengan anggaran sebanyak **RM60,000.00** menggunakan peruntukan pembangunan PK 13, 13004 Penyelidikan Adat Melayu, Bahasa, Kesenian, Budaya dan Warisan.

Tindakan : Bahagian Penyelidikan

4.2.2.5 Akaun Amanah PADAT

Mesyuarat mengambil maklum atas cadangan Jawatankuasa Kewangan agar pihak PADAT mewujudkan Satu Akaun Amanah dan bayaran untuk memperakaunkan terimaan dan bayaran bagi membiayai perbelanjaan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Akaun.

Tindakan : Unit Kewangan

4.2.3 KERTAS LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN PADAT BIL 3/2024 PADA 15 OKTOBER 2024

4.2.3.1 Kertas Makluman Dan Memohon Pengesahan Peruntukan Persekutuan Interim Kedua Tahun 2024

Mesyuarat mengambil maklum dan mengesahkan peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi interim kedua sebanyak ***RM2,107,980.00***.

Makluman

4.2.3.2 Laporan Perbelanjaan Mengurus, Persekutuan dan Hasil PADAT sehingga 30 September 2024

Mesyuarat telah mengambil maklum dan mengesahkan laporan perbelanjaan tersebut :

Peruntukan	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	Baki (RM)	Peratus (RM)
Negeri	8,5000,000.00	6,291,125.37	2,208,874.63	74%
Persekutuan	4,057,980.00	3,217,698.31	840,281.69	79%
Jumlah	**10,450,000.00**	**4,784,785.46**	**5,593,075.06**	**76%**

Mesyuarat juga mengambil maklum kutipan hasil PADAT sehingga 30 September 2024 sebanyak ***RM554,220.57 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Lima Puluh Empat Ribu dan Dua Ratus Dua Puluh dan Sen Lima Puluh Tujuh Sahaja)***

Makluman

4.2.3.3 Kertas Cadangan Kenaikan Elaun Mesyuarat Kepada Ahli Jawatankuasa di bawah Lembaga Perbadanan Adat Melayu

Mesyuarat mengambil maklum dan mengesahkan kenaikan elaun kehadiran mesyuarat kepada Ahli Mesyuarat Jawatankuasa di bawah Lembaga Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor seperti kadar berikut :

BIL	PERKARA	AMAUN (RM)
1.	Pengerusi	350.00
2	Ahli Jawatankuasa	250.00

Cadangan kenaikan elaun melibatkan tambahan sebanyak RM25,600.00

Tindakan : Unit Kewangan

4.2.3.4 Kertas Memohon Kelulusan Pengenalan Bayaran Tiket Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam

Mesyuarat bersetuju dengan bayaran tiket masuk Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam bermula Januari 2025 mengikut kategori seperti berikut :

BIL	PERKARA	AMAUN (RM)
1.	Dewasa (warganegara)	5.00
2.	Kanak-kanak 7-12 tahun (warganegara)	2.00
3.	Warga emas dan orang kelainan upaya (warganegara)	2.00
4.	Pelajar (dengan kad pelajar)	2.00
5.	Dewasa bukan warganegara	15.00
6.	Kanak-kanak 7-12 tahun bukan warganegara	8.00

Mesyuarat juga mengambil maklum tiga kaedah pembayaran yang boleh ditawarkan untuk memastikan kemudahan pengunjung untuk membeli tiket muzium iaitu :

a) Pembayaran secara tunai di kaunter.
b) Pembayaran menggunakan kod QR.
c) Pembayaran menggunakan kad kredit / debit.

Mesyuarat juga bersetuju pengecualian atau pengurangan bayaran tiket diberikan kepada pengunjung mengikut kategori seperti berikut :

BIL	PERKARA	AMAUN (RM)
1.	Ahli Sahabat Muzium	Pengurangan separuh harga

2.	Pelajar yang memakai uniform sekolah (sekolah rendah dan menengah) dengan pengiring (guru sekolah).	Percuma
3.	Hari Muzium Antarabangsa (18 Mei setiap tahun)	Percuma
4.	Hari ulang tahun MSAS (2 September setiap tahun)	Percuma
6.	Pengamal media berdaftar	Percuma
7.	Ahli ICOM dan kakitangan muzium-muzium kerajaan persekutuan dan negeri (dengan kad pekerja / kad keahlian)	Percuma

Tindakan : Unit Perhubungan Awam

4.2.3.5 Kertas Cadangan Pembelian koleksi bernilai RM71,820.00

Mesyuarat bersetuju pembelian koleksi berjumlah RM71,820.00 seperti berikut :

BIL	PERKARA	AMAUN (RM)
1.	Muzium Tekstil, Galeri Alam Semulajadi dan Galeri Adat dan Kebudayaan	26,820.00
2.	Muzium Setem	45,000.00
Jumlah Keseluruhan		**71,820.00**

Pembelian koleksi ini akan menggunakan peruntukan Pembangunan PADAT PK 13006 dengan menggunakan kaedah perolehan pembelian terus.

Tindakan : Urusetia Jawatankuasa Koleksi

4.2.3.6 Kertas Cadangan Menggunakan Peruntukan Penyelidikan Arkeologi Islam Fasa 2 Bagi Kerja-Kerja Mendapatkan Manuskrip Belanda Berkaitan Kesultanan Selangor (Sultan Ibrahim Ibni Sultan Salehuddin) Di Arkib Belanda Dan Kerja-Kerja Trasliterasi

Mesyuarat mengambil maklum dan mengesahkan perbelanjaan untuk melaksanakan kerja-kerja transliterasi berjumlah RM12,000.00 dengan menggunakan lebihan peruntukan Penyelidikan Arkeologi Islam Fasa 2 bagi koding 29000 bernilai RM5,000.00 dan koding 35000 bernilai RM7,000.00.

Tindakan : Bahagian Penyelidikan

4.2.3.7 Konsert Diraja

Mesyuarat mengambil maklum bahawa Konsert Diraja ditunda pada tahun 2025.

Tindakan : Bahagian Pendidikan

4.2.4 KERTAS LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA KOLEKSI BIL 03/2022-2024

Mesyuarat mengambil maklum dan mengesahkan pembelian koleksi sebanyak RM71,820.00 (Ringgit Malaysia : Tujuh Puluh Satu Ribu, Lapan Ratus Dua Puluh Sahaja) dengan menggunakan peruntukan pembangunan PK 13006 dan PK 13009 untuk koleksi setem . Terdapat 14 item koleksi seperti berikut :

BIL	NAMA PEMBEKAL	JUMLAH ITEM	JUMLAH UNIT/KEPING	JUSTIFIKASI	ANGGARAN DIPERLUKAN (RM)
1.	Encik Mohd Faizal bin Ibrahim	1	1	Galeri Alam Semulajadi	2,000.00

2.	Puan Zubaidah binti Sual	7	8	Muzium Tekstil	19,000.00
3.	Encik Murad bin Mohd Taib	5	41	Galeri Adat dan Kebudayaan	5,820.00
4.	Ybhg. Datuk Anuar Bashah bin Mohd Sohore	1	1 set	Muzium Setem	45,000.00
JUMLAH					**71,820.00**

Senarai lengkap seperti di Lampiran.

Tindakan : Urusetia Jawatankuasa Koleksi

4.2.4 KERTAS LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA PAMERAN DAN PENDIDIKAN BIL 1/2024

Mesyuarat mengambil maklum dan mengesahkan semua perkara-perkara yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Pameran Dan Pendidikan Bil 1/2024 pada 31 Julai 2024.

4.2.4.1 Senarai Tugas Jawatankuasa

Mesyuarat mengambil maklum senarai tugas jawatankuasa pameran dan pendidikan.

Mesyuarat juga dimaklumkan pameran sementara perlu diasingkan dari skop tugas jawatankuasa ini yang berperanan untuk memberi nasihat kepada projek-projek jaringan bersama terutama bersama agensi-agensi lain sekiranya diperlukan.

Makluman

4.2.4.2 Laporan Aktiviti Unit Pameran Dan Pendidikan

Mesyuarat mengambil maklum laporan berkaitan aktiviti Unit Pameran dan Unit Khidmat Luar yang dilaksanakan sepanjang tahun 2024.

Mesyuarat dimaklumkan juga secara ringkas berkaitan latar belakang sejarah seni muzik Cempuling.

Makluman

4.2.4.3 Laporan Kerja-Kerja Naik Taraf Galeri Muzium Sultan Alam Shah

Pembukaan Galeri Kepada Orang Ramai

Mesyuarat bersetuju untuk diadakan satu program *Dry Run* sebelum galeri ini dibuka kepada orang ramai dengan menjemput komuniti kanak-kanak, orang tua dan golongan kurang upaya bagi mendapatkan maklum balas sebelum pembukaan galeri ini secara rasmi.

Mesyuarat mengambil maklum kerja-kerja penyiapan galeri adalah pada bulan September 2024 dan dibuka secara *Dry Run* pada bulan Oktober seterusya akan dibuka secara rasmi pada bulan November 2024.

Fasiliti

Mesyuarat memutuskan agar kesesuaian galeri-galeri yang bakal dibuka ini menyediakan keperluan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), penyediaan papan tanda, alat bantuan audio dan kemudahan Dispenser Air (*Water Despencer*).

Persekitaran galeri yang baik juga perlu diterapkan seperti kawalan kebersihan dan larangan membawa objek fizikal ke dalam ruang pameran. Kawalan perlu dilakukan dipintu masuk ruang pameran.

Papan Tanda

Mesyuarat mencadangkan, agar Galeri Alam Semulajadi disediakan papan tanda khusus berkenaan garis panduan serta kriteria tertentu bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pengunjung.

Jenis Makanan Pelbagai Kaum

Mesyuarat mencadangkan agar ruang peragaan jenis-jenis makanan Selangor (*fake food area*) di galeri kebudayaan disediakan alat bantuan audio video cara-cara masakan kaum-kaum lain seperti makanan India, kerana ia sinonim dengan budaya masyarakat Malaysia yang banyak memilih makanan Mamak berbanding makanan warisan Melayu.

Lawatan Luar Negara

Mesyuarat bersetuju untuk pihak PADAT membuat lawatan ke *Arts Sciense Museum* di Singapore untuk melihat *Kids Zone Concept* terutama *medium interactive* yang digunakan.

Galeri Tokoh

Mesyuarat mengambil maklum kewujudan Galeri Dato' S.M Salim, namun pihak PADAT boleh membuat perbandingan dengan galeri-galeri tokoh yang lain di peringkat nasional bagi tujuan penambahbaikan.

Koleksi Perahu di Galeri Sejarah

Mesyuarat mengambil maklum berkaitan faktor keselamatan koleksi perlu dipertingkatkan seterusnya diberi perhatian, kerana terdapat koleksi perahu di Galeri Sejarah yang diletakkan di atas dinding bahagian hujung ruang pameran yang dilihat kurang sesuai kerana tidak mempunyai penghadang sempadan (*barrier glass*) yang dikhuatiri memberi risiko keselamatan pada koleksi dan pengunjung.

Kerja-kerja Kemasan

Mesyuarat memaklumkan agar pihak kontraktor mengambil berat berkaitan kerja-kerja kemasan di ruang pameran terutama yang boleh mendatangkan risiko keselamatan kepada pengunjung.

Teks Pameran

Mesyuarat menasihatkan agar menghindari penulisan (*write up*) yang panjang (*lengthy text*) bagi mengelakkan pengunjung mengambil masa yang lama untuk membaca teks pada panel pameran terutama di kawasan Balai Alam Semulajadi. Ini dikhuatiri akan menyumbang kepada kesesakan pengunjung.

Kawalan Suhu

Mesyuarat dimaklumkan, siling galeri yang terdiri dari bahan fabrik dan penggunaan bahan organik seperti rotan dan kayu, logam, kanvas serta kertas memerlukan penetapan indikasi kelembapan (*humidity*) yang betul. Bacaan yang sesuai (cadangan) bagi memanjangkan jangka hayat bahan-bahan tersebut adalah di antara 50°C - 55°C (+-5), maxima 55°C - 60°C (+-5) kelembapan *(RH level)* dengan penetapan suhu pendingin hawa pada bacaan 22°C - 24°C (+ -2), maxima 24°C - 26°C (+-2).

Mesyuarat mencadangkan agar pemantauan terhadap bacaan tersebut dilakukan dengan konsisten dengan merujuk kepada agensi seperti Balai Seni Visual Negara atau Galeri Shah Alam dan lain-lain muzium dan galeri seni.

Mesyuarat mencadangkan agar pihak PADAT menggunakan *datalogger* atau sistem *thermal* bagi tujuan pemantauan suhu pada koleksi-koleksi tertentu di dalam galeri.

Lampu Peragaan (Display Light)

Mesyuarat mencadangkan agar setiap *kotak perhiasan (showcase box)* mempunyai ruang pengudaraan bagi mengoptimumkan jangka hayat dan mengelakkan kerosakan pada Lampu Kabel Gentian Optik (*Fiber Optic light*) yang digunakan.

Penggunaan lampu seperti LED perlu disesuaikan dengan kegunaan dan kedudukannya pada setiap ruang terutama melibatkan peti-peti pameran. Selain itu, kadar bacaan *lux* lampu juga perlu diukur seperti dari jenis lampu limpah *(Flood light)*, lampu fokus (*focus light)* dan lain-lain.

Pemetaan Penanyangan (*Projection Mapping*)

Mesyuarat memaklumkan penggunaan *projection mapping* perlu mengambil kira kos penyelenggaraan jangka masa panjang. Pengantian komponen *projector* seperti mentol *(bulb)* memerlukan kos yang tinggi disebabkan jangka hayatnya yang pendek, disarankan agar penggunaan Paparan Penal Rata (*Flat Panel Display*) pada masa akan datang.

Sistem Audio

Mesyuarat mencadangkan penggunaan Pembesar Suara Kubah *(dome speaker)* bagi ruang pameran yang memiliki mekanisme-mekanisme intreraktif.

Bilik Kawalan Teknikal (Peragaan)

Mesyuarat memaklumkan, penggunaan ruang *mapping* yang besar dan *projection mapping* yang banyak akan melibatkan *data server* maka *control room* diperlukan dan kawalan penghawa dingin perlu tepat kerana akan memberi kesan pada keseluruhan ruang tersebut. *Labelling* dan *racking system* yang baik juga perlu agar mudah untuk membuat penyelenggaraan.

Teknologi

Mesyuarat mencadangkan agar pihak PADAT mengelakkan pembekal dari luar negara bagi aplikasi yang memerlukan system integrasi (*integration system).* Kebergantungan kepada pembekal-pembekal dari negara luar akan melibatkan kos yang tinggi serta masa tindak balas *(response time)* yang kurang efektif, perlu utamakan pembekal dari dalam negara yang lebih murah dan fleksibel perolehannya.

Pengurusan Keselamatan

Mesyuarat memaklumkan aspek keselamatan seperti sistem pemadam api yang menggunakan medium debu gas lebih praktikal dan berkesan pada koleksi berbanding sistem penyembur air automatik (*water sprinkler*). *Water mist* (pancuran air) dikhuatiri akan merosakkan bahan pameran terutama kepada bahan-bahan yang berasaskan kain dan kertas.

Sistem pencegah kebakaran perlu dilengkapi dengan sistem pengesan asap (*smoke detector*) bagi mengaktifkan sistem penghalang kebakaran. Digalakkan penggunaan sistem pengesanan kebakaran jenis laser (*laser type)* yang sangat sensitif kepada unsur-unsur kebakaran dan debu/habuk.

Mesyuarat memutuskan agar kerja-kerja penyelenggaraan peti-peti pameran perlu diberi perhatian kerana ia melibatkan pengendalian koleksi tertentu yang sekiranya tidak dilakukan secara tepat akan mendatangkan kerosakan pada peti pameran dan koleksi.

Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa pihak PADAT telah mengambil tindakan berkenaan sistem *fire fighting* di ruang galeri yang tidak mengikut spesifikasi yang asal dan sedang dalam proses bersama pihak JKR Selangor untuk melihat kesemua sistem keselamatan di dalam bangunan muzium.

Tindakan : Pegawai Projek

4.2.4.4 Cadangan Pengisian Pameran Bangunan Gedung Raja Abdullah (GRA)

Kandungan Pameran
Mesyuarat mencadangkan agar jalan cerita *(storyline)* bagi pengisian pameran dalam bangunan ini perlu disemak dan dibuat penelitian semula berdasarkan kepada urutan yang lebih sesuai.

Mesyuarat telah dimaklumkan juga berkenaan cadangan pengisian ruang pameran bangunan GRA perlu mengambil kira kesesuaian material yang digunakan. Sebahagian ruang yang digunakan perlu merujuk kepada garis panduan pemeliharaan bangunan warisan didalam Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Kajian Beban Lantai
Mesyuarat memutuskan agar pengisian bangunan Gedung Raja Abdullah mengambil kira kapasiti pelawat *(life load)* dan jenis-jenis peragaan dan display *(death load).* Kesesuaian bilangan pengunjung perlu diteliti serta bahan pameran yang bakal diperagakan juga perlu disesuaikan dengan ruang lantai kayu tingkat atas.

Fasiliti
Mesyuarat memutuskan agar pihak PADAT perlu mempunyai alternatif dalam penggunaan sistem penghawa dingin samaada menggunakan kipas atau konsep *open air* mengambil kira struktur binaan pada bangunan ini yang sensitif pada kelembapan.

Pencahayaan dan Peragaan
Mesyuarat mencadangkan agar pihak PADAT menggunakan lampu jenis LED kerana jangka

hayatnya tahan lebih lama dan amat sesuai dijadikan lampu pameran.

Mesyuarat menyarankan agar penggunaan material *acrylic* pada kotak pameran disemak semula memandangkan ia bahan yang mudah rosak dan cepat kusam.

Mesyuarat mencadangkan ruang parkir bagi kegunaan pelawat perlu diberikan perhatian dengan mengambil kira kapasiti besar seperti bas pelancong dan bas sekolah khasnya.

Tindakan : Pegawai Projek

4.2.4.5 Projek Pembinaan dan Pengisian Muzium Setem

Status Projek

Mesyuarat dimaklumkan berkaitan status projek pembinaan Muzium Setem bermula pada tahun 2019 dan dijadualkan siap pada tahun 2022, namun berlaku kelewatan kerja siap.

Mesyuarat juga dimaklumkan kontraktor utama projek ini telah ditamatkan kontrak dan pihak JKR negeri Selangor sedang dalam proses tender semula projek ini dalam masa terdekat dengan melibatkan kos tambahan RM3.7 juta.

Penyelidikan Bagi Tujuan Pengisian

Mesyuarat mengambil maklum pelaksanaan penyelidikan berkaitan sejarah perkhidmatan pos di Tanah Melayu serta kolaborasi bersama agensi-agensi yang berkaitan termasuk Pejabat Pos Malaysia Berhad.

Mesyuarat bersetuju penyelidikan berkenaan sejarah setem diteruskan oleh pasukan projek pada masa yang sama perlu mendapatkan nasihat serta pandangan daripada Persatuan Setem Malaysia (PSM).

Tindakan : Pegawai Projek

4.2.4.6 Terma Rujukan Lantikan Perunding Hiasan Dalaman Muzium Setem

Semakan Terma Rujukan
Mesyuarat dimaklumkan bahawa satu terma rujukan lantikan perunding bagi kerja-kerja hiasan dalaman Muzium Setem telah dirangka secara asas dan memerlukan semakan dan penelitian ahli mesyuarat. Walaubagaimanapun perkara ini juga amat baru dikalangan ahli mesyuarat yang memerlukan ruang masa yang mencukupi.

Mesyuarat mencadangkan satu mesyuarat diadakan pada bulan Ogos yang akan datang namun bergantung kepada kelapangan ahli mesyuarat dengan mengemukakan tarikh yang sesuai.

Lawatan Penanda Aras
Mesyuarat mencadangkan agar satu lawatan kerja ke London bagi Penetapan Piawaian (*setting the standard*) penanda aras bagi reka letak dan hiasan dalaman Muzium Setem diadakan.

Lawatan ke Tapak Projek
Mesyuarat bersetuju agar diadakan satu sesi lawatan ke tapak projek Muzium Setem sebelum apa-apa perubahan dapat dikemukakan berkaitan terma rujukan.

Penyediaan *Museum Requirements*
